

# **PERBARISAN SERAH TERIMA TUGAS KETUA CAWANG TADBIR DAN PEMAKAIAN PANGKAT ANGGOTA CAWANG TADBIR PANGKALAN UDARA KUANTAN**

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4656-perbarisan-serah-terima-tugas-ketua-cawang-tadbir-dan-pemakaian-pangkat-anggota-cawang-tadbir-pangkalan-udara-kuantan](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4656-perbarisan-serah-terima-tugas-ketua-cawang-tadbir-dan-pemakaian-pangkat-anggota-cawang-tadbir-pangkalan-udara-kuantan)

KUANTAN, 12 Mac 19 - Bertempat di Dewan Sri Angkasa PU Kuantan telah berlangsungnya Perbarisan Serah Terima Tugas Ketua Cawang Tadbir Pangkalan Udara Kuantan di antara Lt Kol Abdul Hadi bin Abdullah TUDM dan Mej Kamisah binti Salimin TUDM.

Acara serah terima tugas tersebut berlangsung dengan menandatangani Nota Serah Terima Tugas disaksikan oleh Komander Pangkalan, Brig Jen Wan Amin Hafiz bin Wan Mahmud TUDM.

Dalam majlis ini juga Komander Pangkalan telah menyempurnakan upacara pemakaian pangkat bagi dua anggota Pangkalan iaitu Staf Sjn Shah Rom bin Ab Razak dinaikkan ke pangkat PW II dan Kpl U Rozairie bin Mohammad dinaikkan ke pangkat pemangku Sjn U. Tahniah diucapkan.

